

25/11/1997

MBS anjur Perhimpunan Perdana sokong PM

KOTA KINABALU, Isnin - Majlis Belia Sabah (MBS) menganjurkan Perhimpunan Perdana, di sini Rabu ini sebagai tanda sokongan kepada kepemimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam menangani krisis ekonomi serta serangan pihak luar khususnya dari Amerika Syarikat (AS) terhadap negara ini.

Perhimpunan yang akan diadakan jam 3 petang di Padang Merdeka di sini, dijangka dihadiri kira-kira 7,000 belia daripada pelbagai persatuan sukarela dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di negeri ini.

Presiden MBS, Datuk Lajim Ukin, berkata perhimpunan itu diadakan sebagai menunjukkan sokongan serta perpaduan rakyat negeri ini khususnya daripada kalangan belia untuk bersama-sama dengan kerajaan dalam menangani krisis kejatuhan matawang Ringgit sekarang.

Menurutnya, tiga ketetapan yang akan dibuat dalam perhimpunan berkenaan iaitu pertama, mengutuk tindakan 34 ahli Kongres AS yang mendesak Dr Mahathir meletak jawatan dan memohon maaf atas dakwaan bersikap anti-Yahudi.

Kedua, menyatakan sikap tidak setuju terhadap tindakan AS untuk mengenakan undang-undang sekatan perdagangan Iran-Libya terhadap Petronas dan ketiga, menyatakan sokongan padu terhadap kepimpinan Dr Mahathir dalam menangani setiap krisis yang dialami sekarang.

"Saya berharap mereka dapat datang secara sukarela untuk menunjukkan perpaduan rakyat Malaysia khususnya di Sabah dalam menentang sebarang ancaman dari luar.

"Oleh itu, mereka digalakkan membawa sepanduk dan poster yang menyokong Dr Mahathir dan mengutuk AS berhubung perkara itu," katanya selepas merasmikan Hari Keluarga dan Jualan Promosi Kondominium Colonnade di sini, hari ini.

Hadir sama Pengerusi Eksekutif Tokojaya Sdn Bhd, Datuk Dr Hashim Wahab.

(END)